



DEMONSTRASI jalanan boleh mengganggu-gugat perpaduan dan keharmonian masyarakat yang berbilang kaum. - Gambar hiasan



PERPADUAN antara kaum memainkan peranan penting dalam memacu kestabilan dan kemajuan sesebuah negara. - Gambar hiasan

# Perpaduan tonggak kemakmuran negara

**Sudut Pandang**

Oleh PROF. DATUK DR. MOHAMMAD SHATAR SABRAN  
Pakar Sosial dan  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),  
Universiti Putra Malaysia



**M**ALAYSIA merupakan sebuah negara yang unik berbanding dengan negara-negara lain di dunia.

Di samping penduduk yang berbilang bangsa, Malaysia mempunyai beberapa suku kaum yang terdapat di Sabah dan Sarawak.

Walaupun rakyat di negara ini hidup dalam masyarakat majmuk, keadilan dan keamanan dapat dirasakan oleh semua masyarakat.

Keadaan ini dapat dikekalkan kerana berlakunya toleransi antara kaum utama terbesar iaitu Melayu, Cina dan India.

Justeru, kita seharusnya bersyukur dengan keamanan dan keharmonian yang membolehkan kita duduk bersama serta berbincang tanpa ada rasa perbezaan antara satu sama lain.

Persefahaman yang berjaya dicapai ini perlu dikekalkan supaya tiada perasaan curiga antara kaum kerana ia akan menjejaskan dan merosakkan semangat perpaduan yang terjalin sejak sekian lama.

Perpaduan ialah satu proses yang menyatupadukan anggota masyarakat dan negara keseluruhannya melalui ideologi negara. Matlamatnya adalah supaya masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta satu perasaan kebangsaan bersama dalam kalangan mereka.

Perpaduan memainkan peranan penting dalam memacu kestabilan dan kemajuan negara. Sejak merdeka lagi, kerajaan telah memupuk semangat perpaduan dalam memakmurkan negara kita.

Pelbagai dasar telah dijalankan untuk mencapai proses perpaduan ini.

Tanpa perpaduan, kemajuan negara yang

ingin dicapai untuk Wawasan 2020 tidak mungkin akan menjadi kenyataan.

Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu sedar bahawa teori pertembungan peradaban atau *clash of civilization* ada menyatakan, perpecahan dan kemusnahan dalam sesebuah negara itu berlaku kerana perbuatan masyarakat atau rakyat itu sendiri.

Justeru, kita boleh melihat beberapa contoh di luar negara seperti negara Asia Barat yang dilanda pelbagai konflik dan perpecahan sesama sendiri semuanya akibat perpaduan sudah tidak lagi wujud.

Situasi ini membolehkan pihak-pihak luar mengambil kesempatan ke atas kelemahan yang melanda seperti mencetuskan soal perkauman dan menanam sikap membenci antara satu sama lain.

Sikap yang tidak baik itu perlu dibendung daripada awal agar perkara tidak diingini dapat dielakkan daripada melanda negara ini.

## Konsep 1Malaysia

Oleh yang demikian, konsep 1Malaysia jelas menunjukkan, perpaduan sangat dititikberatkan sesama masyarakat agar keadilan kesamaan dan keharmonian dapat dirasakan oleh semua masyarakat di negara ini.

Isu-isu yang berkaitan dengan perpaduan kaum kerap dibincangkan dalam surat khabar dan televisyen.

Ini kerana, rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Terdapat beberapa kebaikan perpaduan kaum kepada masyarakat dan negara.

Antara kebaikan perpaduan kaum ialah masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman dan damai.

Keadaan masyarakat yang aman dan damai ini membolehkan aktiviti harian berjalan dengan baik. Masyarakat pelbagai kaum boleh melakukan aktiviti keagamaan dengan bebas dan lancar.

Selain itu, perpaduan kaum akan menjadikan negara aman dan tenteram.

Keadaan ini membolehkan pihak kerajaan merancang dan melaksanakan pembangunan dengan lancar untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Antara manfaat lain perpaduan kaum ialah pihak kerajaan boleh memajukan sektor pelancongan negara.

Keadaan negara yang aman dan damai akan menarik lebih ramai pelancong asing datang ke Malaysia. Kehadiran pelancong asing ini akan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Peluang pekerjaan ini akan menjana sumber pendapatan bagi menyara hidup dan meningkatkan taraf ekonomi rakyat.

Perpaduan kaum juga akan menaikkan imej negara di mata dunia. Perpaduan kaum membuktikan bahawa pemimpin Malaysia dapat memerintah dengan baik.

Terdapat beberapa negara yang ingin mencontohi Malaysia dalam mentadbir negara.

Selain itu, perpaduan kaum yang dinikmati membolehkan Malaysia terpilih sebagai pengerusi bagi beberapa pertubuhan dunia.

Kesimpulannya, kita seharusnya mengambil iktibar bahawa perpaduan hanya dapat dicapai jika semua rakyat bersatu padu, bertolak ansur dan hormat-menghormati antara sesama anggota masyarakat.

Apa yang diharapkan, semua warga negara ini sentiasa mematuhi undang-undang atau peraturan dan tidak terpengaruh dengan anasir luar.

Pihak kerajaan telah melakukan pelbagai usaha dalam mengekalkan perpaduan kaum.

Sehubungan itu, kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya bersyukur dengan keamanan yang dikecapi hari ini di samping mengekalkan keharmonian antara kaum dalam sebuah komuniti.

Walaupun ada perbezaan ideologi politik, kita harus mengawalinya supaya ia tidak menjadi tegang dan menjaga hubungan baik sesama masyarakat dengan keharmonian yang telah terbina sejak sekian lama.